

**Tinjauan Mesra PM Ditunggu Rakyat
Bernama
23 April, 2013**

SHAH ALAM, 23 April (Bernama) -- Penduduk berbilang kaum di Taman Sri Muda di sini semalam ialah antara yang begitu teruja dan gembira apabila Datuk Seri Najib Tun Razak membuat tinjauan mesra dalam kunjungan turun padang ke beberapa kawasan pilihan raya di Selangor.

"Bukan semua orang bertuah dapat melihat perdana menteri secara dekat dan bersalaman dengan beliau, saya berasa amat bertuah hari ini. Saya tidak akan lupa detik itu sampai bila-bila pun," kata G. Vanitha, 22.

Vanitha ialah antara sebilangan penduduk yang berpeluang berjabat tangan dengan Najib ketika perdana menteri meninjau kawasan Taman Sri Muda, di sini pada Isnin.

Penuntut jurusan farmasi di sebuah kolej swasta di Kuala Lumpur itu berkata beliau menunggu awal semata-mata untuk bertemu Najib, setelah mendapat khabar bahawa pemimpin negara itu akan melawat kawasan kediaman mereka.

"Saya ingat dapat tengok PM dari jauh sahaja, tak sangka pula boleh bersalaman. Bila saya tengok orang ramai berpusu-pusu nak bersalaman dengan beliau, saya pun mencuba nasib.

"Beliau begitu mesra, tanya khabar dan minta kami sokong calon BN (Barisan Nasional)," katanya.

Vanitha berkata bapanya, Govindan ialah seorang penyokong setia BN, kerana yakin kerajaan BN berkemampuan membantu masyarakat India dan seterusnya mengubah nasib mereka.

Seorang lagi penduduk, Lee Soon Li, 68, yang juga sempat bersalaman dengan Najib, menyifatkan perdana menteri sebagai pemimpin yang baik dan berwawasan tinggi.

"Kita punya PM Najib sangat baik. Melayu pun sokong, Cina pun sokong, India pun sokong. Dia (Najib) ada banyak idea, mahu kasi rakyat maju. Saya sokong dia (Najib)," katanya.

Taman Sri Muda ialah antara tempat yang disinggahi Najib dalam lawatan sehari ke Selangor bagi memberi perangsang kepada jentera pilihan raya BN dalam usaha menguasai semula Selangor pada PRU13 5 Mei ini.

Perdana menteri turut menunaikan solat Asar berjemaah bersama penduduk Islam kawasan Sri Muda di Masjid Al-Falah sebelum beliau dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta dua orang anak mereka Norashman Razak dan Nooryana Najwa, menyertai masyarakat tempatan pada acara jamuan petang.

Hadir sama semasa kunjungan itu ialah calon BN bagi kerusi Parlimen Kota Raja, Datuk S. Murugesan, calon DUN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sri Muda, Mohd Abdul Raof Mokhtar dan calon BN bagi kerusi DUN Seri Andalas, T. Mohan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944505>

